



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel. : 03-88853001
Faks : 03-88892187
E-mel : abubakar.kppa@jpa.gov.my
Web : <http://www.jpa.gov.my>



Ruj. Fail : JPA.BPO(S) 71/3/4-2 Jld. 3 (17)

Tarikh : 20 Mei 2011

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan/Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan,

PEMBEKUAN PENGAMBILAN/PENGISIAN JAWATAN DAN PEMANSUHAN JAWATAN KOSONG DI SEMUA KEMENTERIAN DAN JABATAN PERSEKUTUAN, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN BADAN BERKANUN NEGERI

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara tersebut di atas.


2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Perjawatan dan Gaji Sektor Awam (JKK-MPGSA) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 6 Mei 2011 telah bersetuju **supaya semua jawatan kosong dimansuhkan berkuat kuasa 1 Jun 2011**. Walau bagaimanapun, jawatan-jawatan pada gred kenaikan pangkat dan jawatan yang sedang dalam proses lantikan oleh Pihak Berkuasa Melantik adalah dikecualikan. Keputusan ini adalah selaras dengan langkah Kerajaan untuk merasionalisasi dan mewujudkan Perkhidmatan Awam yang kejit (*Lean Civil Service*).

3. Bagi melaksanakan keputusan ini, Pihak Berkuasa Melantik diminta memastikan urusan pengambilan baru dibekukan **berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan sehingga 31 Ogos 2011** kecuali urusan yang melibatkan calon-calon yang telah dipanggil temuduga untuk pelantikan. Agensi adalah dinasihatkan supaya tidak mengemukakan permohonan penstrukturan semula organisasi dan pengukuhan perjawatan dalam tempoh tersebut. Jabatan ini juga akan melakukan auditan perjawatan secara komprehensif di setiap agensi Kerajaan semasa pelaksanaan keputusan ini.

4. Sehubungan itu, pihak YBhg Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan dipohon untuk memastikan pelaksanaan arahan ini dipatuhi dengan memberi kerjasama sepenuhnya kepada Jabatan ini semasa pelaksanaan auditan perjawatan tersebut.

Sekian, terima kasih

“ **BERKHIDMAT UNTUK NEGARA** ”

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Dato' Sri Abu Bakar bin Haji Abdullah'. The signature is written in a cursive style with a long horizontal stroke at the end.

(**DATO' SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH**)